



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

18 Oktober 2021

11 Rabiulawal 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Abang sado pencinta ikan laga • Dropsy penyakit maut
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

UTUSAN MALAYSIA
ISIN • 18 OKTOBER 2021

21

Gaya

LELAKI

Azhar jadikan balang ikan dekorasi rumah

Abang sado pencinta ikan laga

Oleh JULIE ROSHANA
AKMA SHAFEE
gryarizuan@mediacorpus.com.my

DAHULU ikan laga banyak ditemui di kawasan parit terbiar atau terdang di kampung. Biasanya kanak-kanak suka menangkanya untuk dijadikan mainan atau dibeli sebagai haiwan peliharaan. Botol plastik kosong jadi pilihan untuk menyimpan ikan laga ini.

Kini ikan laga bukan lagi ikan 'biasa-biasa' kerana ia sudah jadi hobi mahal. Pengumpulnya juga sanggup berhabisan wang untuk mendapatkan pelbagai spesies ikan laga yang cantik dan jarang ditemui.

Muhammad Azhar Nordin, 29, antara pencinta ikan laga. Kecintaannya itu baharu saja berputik sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 lalu.

Walaupun kediamannya tidak seluas mana tetapi itu bukanlah alasan memelihara ikan laga. Balang kaca dan plastik serta laci yang diubah fungsi ini antara dekorasi menghiasi ruang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Muhammad Azhar berkata, pada mulanya dia meragui keputusan membeli ikan laga sebagai hobi lantaran ruang di kediaman flat kos rendahnya yang hanya berkeluasan 689 kaki persegi.

"Kemudian saya terfikir, apa guna minat saya dalam seni reka bentuk dalam tidak digunakan dalam merealisasikan hobi baru ini. Saya mengambil peluang menggabungkan hobi membeli ikan laga dan seni reka bentuk dalam. Keputusan itu amat tepat kerana saya mampu mewujudkan hiasan dalam yang memberikan kesesuaian kepada saya," katanya.

Ikan laga bersaiz sederhana diletakkan di dalam balang kaca, ikan bersaiz besar pula dipelihara di dalam balang plastik manakala anak ikan pula ditempatkan di dalam laci kanak-kanak yang diubah fungsi.

HOBİ bel
ikan laga beri
ketenangan
buat
Muhammad
Azhar Nordin.

Bersambung di muka 22

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Gaya • LELAKI

Dari muka 21

200 EKOR IKAN INDUK
Pegawai Penguatkuasa di salah sebuah syarikat badan berkanun di Johor Bahru mengakui hobi itu adalah ilmu dan pengalaman baru untuk dirinya.

"Ikan ini menjadi trend semasa. Namun saya suka sebab ia memberikan impak positif pada mood dan terapi buat diri saya," katanya.

Mengulas mengenai pencetus hobi itu, katanya, ia bermula daripada rakan serumah yang membeli seekor ikan laga ini sebagai ikan hiasan. Lama kelamaan hobi itu menjangkiti dirinya.

Sehingga kini beliau telah memiliki lebih kurang 200 ikan laga dewasa atau induk. Ini tidak termasuk anak-anak ikan laga yang dibiakkan sendiri. Antara spesies ikan laga dimiliki ialah *crown tail*, *super gold 24k* dan *dumbo halfmoon*. Ikan dibeli pada harga antara RM5 hingga RM150 seekor.

Memandangkan ikan laga yang dibela Azhar banyak, dia hanya memanggil semua ikan berkenaan dengan nama *baby* saja.

TIMBA ILMU DARIPADA PENJUAL IKAN LAGA
Azhar memperuntukkan lebih kurang RM60 per kilogram untuk kos makanan bagi ikan dewasa. Makanan berbentuk palet itu boleh bertahan hingga empat bulan memandangkan ikan laga ini tidak makan banyak.

Bagi ikan laga yang berumur tiga hingga 30 hari pula, makanan yang diberi adalah berbentuk *Baby Brine Shrimp* (BBS). Ia turut dikenali sebagai telur *Artemia*. Harga makanan itu dalam lingkungan RM7.00 per 10 gram dan ia boleh bertahan sehingga sebulan.

Azhar banyak belajar sebelum membela ikan laga. Sejak mula berkecimpung dan meminati hobi ini ada beberapa penjual ikan laga yang sering beliau rujuk bagi mendapatkan info dan tips berguna.

"Mereka tidak kedekut dalam berkongsi ilmu. Selain menimba ilmu daripada penjual ikan laga sekitar Johor Bahru, medium lain seperti *YouTUBE* juga menjadi pilihan saya untuk mempelajari cara memelihara dan membiakkan ikan ini," katanya.

Bagi mereka yang baru atau ingin berkecimpung dalam hobi yang semakin popular ini, nasihat Azhar mereka haruslah sedikit sebanyak menimba ilmu berkaitan ikan laga terlebih dahulu.



BALANG berisi ikan laga tersusun kemas pada rak yang diletakkan di ruang tamu rumah.



ANAK ikan ditempatkan dalam laci yang diubah fungsi.

"Belajarlah ilmu ini sama ada daripada orang yang lebih berpengalaman atau secara *online* kerana setiap

apa yang ingin kita ceburi itu perlu mempunyai ilmu bersama selain minat dan kesungguhan," katanya.



JENIS makanan bergantung pada usia ikan laga.

Dropsy penyakit maut

"LEBIH kurang 30 ekor ikan laga saya mati dan antara penyakit yang selalu menjangkiti ikan ini adalah *dropsy*. Penyakit ini sering disebut sebagai penyakit maut bagi ikan laga kerana penyakit ini susah untuk diubati," katanya mengulas mengenai cabaran.

Menjelaskan lebih lanjut katanya, antara simptom jangkitan ialah perut ikan mengembung dan sisiknya terbuka atau kembang seakan kulit nanas.

"*Dropsy* mungkin juga berpunca daripada sama ada kualiti air yang kotor ada kandungan *ammonia* yang tinggi dalam air. Malah sisa makanan hidup seperti cacing, kutu air dan jentik-jentik, yang diberikan kepada ikan laga yang tidak dibersihkan pun, antara dikenali sebagai punca penyakit ini," katanya.



KEINDAHAN ikan laga terletak pada warna siripnya.

CARA PENJAGAAN IKAN LAGA:

Penjagaan ikan laga tidak serumit seperti ikan hiasan lain yang memerlukan penggunaan tiub oksigen dan penapis. Sebaliknya ikan laga hanya memerlukan beberapa perkara berikut:

- » Ikan laga hanya memerlukan air yang tidak mengandungi klorin.
- » Ikan laga juga hanya memerlukan sedikit pati daun ketapang dan klorin bagi mengawal kandungan ph air selain dapat mengekalkan kesegaran air.